

nexnews

7 SYARIKAT BARU BERMULA MENCARI PELUANG PELABURAN 7 STARTUP COMPANIES PITCH FOR INVESTMENT



SHOWTIME



EXPERTS.BN



GIG



OPTIMAS



THE GUILD



NEXUS EDGE



MENG-GAME



Tujuh syarikat baru bermula mewakili ketiga-tiga DevCos, Nexus, DST DevCo dan Evolve.Me terlibat dalam *Pitch Day* kali ke-2 yang diadakan di DST HQ pada Selasa, 24 November di hadapan ahli panel yang terdiri dari Darussalam Assets, Jana Kapital, Bank Usahawan, DARE dan Livewire Brunei. Setiap peserta diberi masa selama 7 minit untuk menyampaikan idea perniagaan mereka dengan 10 minit bagi sesi soal jawab daripada ahli panel. Para peserta adalah Showtime Creative Entertainment Services, Experts.BN, GIG, Meng Game, Nexus Edge, The Guild dan Optimas Mgmt.

Seven startup companies representing all the three DevCos, Nexus, DST DevCo and Evolve.Me were involved in a Pitch for Investment Day at DST HQ on Tuesday, 24 November in front of a panel of potential investors from Darussalam Assets, Jana Kapital, Bank Usahawan, DARE and Livewire Brunei. Each participant was given 7 minutes to pitch their business ideas with 10 minutes of questions from the panel.



Panel pelaburan ketika sesi diadakan
The panel of investors during the pitch session

ROTUKU BANTU PERUSAHAAN MIKRO MEMACU PERNIAGAAN *ROTUKU ASSIST MICRO BUSINESSES TO TAKE THEIR BUSINESS FURTHER*

Para peserta bootcamp perniagaan mikro yang ingin mengembangkan produk mereka ke peringkat seterusnya telah menghadiri taklimat oleh Rotuku Group of Companies yang diadakan di Nexus pada hari Rabu, 18 November. Syarikat tersebut mengongsikan perkhidmatan yang mereka tawarkan seperti label produk, jenama, kod bar, senarai bahan-bahan, sijil halal, pemasaran dan pengedaran. Taklimat disampaikan oleh Azri bin Hj Jumat, Ketua Pegawai Eksekutif Rotuku. Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 2017 bagi membantu peniaga-peniaga mikro untuk menembusi pasaran di Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Selepas taklimat, syarikat tersebut juga berpeluang meninjau produk-produk yang dihasilkan oleh rakan-rakan sekerja semasa pameran mini.



Azri Hj Jumat, Ketua Pegawai Eksekutif
CEO Rotuku Group Companies



Micro-business bootcamp participants interested to develop their products further attended a presentation by Rotuku Group of Companies held at Nexus on Wednesday, 18 November. They were briefed on the services offered by the company that include product labeling, branding, bar-coding, ingredients listing, halal certification, marketing and product distribution. The briefing was delivered by its CEO, Azri Hj Jumat. The company, formed in 2017 can assist micro-businesses penetrate the bigger markets in Brunei and Malaysia. The company also had the opportunity to do product reviews with some of the associates' own products on display after the talk.





Sebahagian para peserta | *Some of the attendees*



Sesi Soal Jawab | *Question and answer session*



Meneliti dan merasai produk sambil memberi maklum balas | *Product sampling and tasting with feedback given*

BENKEL MEMBUAT SENDIRI TERRARIUM MAKE YOUR OWN TERRARIUM WORKSHOP



Produk Terrarium yang telah siap
The finished Terrarium products

Bengkel menanam kaktus dalam botol kecil atau terrarium diadakan baru-baru ini di Nexus HQ. Bengkel merangkumi topik-topik seperti penggunaan botol kaca khas terrarium, reka bentuk, penjagaan, pengendalian dan penanaman kaktus terrarium. Tujuan mengadakan bengkel ini kepada rakan-rakan sekerja kita ialah supaya mereka memperoleh kemahiran sepanjang hayat yang dapat digunakan sebagai salah satu hobi atau aktiviti peniagaan yang berpotensi pada masa akan datang. Bengkel dikendalikan oleh Hashimah Sanusi dari Heartleaf.

A workshop on how to make your own terrarium was held recently at Nexus HQ and it covers topics such as open jar terrariums, designs, care and maintenance as well as succulent and cacti handling and planting. The workshop is aimed at equipping our associates with life-long skills that can be used in the future as a pastime hobby or for potential business activity. The workshop was conducted by Hashimah Sanusi from Heartleaf.



Pengendali bengkel dan para peserta | *The workshop facilitator and participants*

PENYAMPAIAN SIJIL KEPADA PESERTA BENGKEL ROTI CANAI *CERTIFICATES PRESENTED TO ROTI CANAI WORKSHOP PARTICIPANTS*

Rakan-rakan sekerja yang telah menamatkan bengkel pembuatan roti canai oleh Restoran Shah Fusion telah menerima sijil-sijil mereka dalam satu majlis penyampaian sijil pada hari Jumaat, 20 November yang disempurnakan oleh Hajah Nor Azura bte Hj Mohd Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif Nexus dan Awang Kamil Qasim, Pengarah Umum, Hotel Wafa. Lebih daripada 40 peserta menghadiri bengkel tersebut yang dendalikan oleh Chef Pravin.

Associates who have completed their roti canai making workshop conducted by Ratna Shah Fusion Restaurant were feted to a certificate presentation ceremony on Friday, 20 November. On hand to present the certificates were Hajah Nor Azura bte Hj Mohd Tahir, CEO of Nexus and Mr Kamil Qasim, GM of Wafa Hotel. More than 40 participants attended the workshop which was conducted by Chef Pravin from the restaurant.

Pasukan pengurusan Nexus dan tetamu
dari Annajat Management
*The Nexus management team and guests
from Annajat Management*



Para peserta bersama pihak pengurusan Nexus dan Annajat
The participants in a group photo with Nexus and Annajat management



Omar bin Hj Alitdin, Ketua Hub Keusahawanan
Omar bin Hj Alitdin, Head of Entrepreneurship Hub



Peserta kumpulan 1 yang menerima sijil mereka dari Awang Kamil Qasim, Pengarah Umum, Hotel WAFA
Participants from the first group receiving their certificates from Mr Kamil Qasim, General Manager, WAFA Hotel



Sebahagian peserta kumpulan 2 menerima sijil dari Hjh Nor Azura, Ketua Pegawai Eksekutif, Nexus
Some of the participants from the second group receiving their certificates from Hjh Nor Azura, CEO, Nexus